



Istiadat PENGANUGERAHAN



DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN
PINGAT KEHORMATAN
NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2026

Sempena

Hari Ulang Tahun Ke-85

TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATO' SERI UTAMA HAJI RAMLI BIN NGAH TALIB
S.M.N., P.S.M., S.P.S.A., S.P.C.M., D.U.P.N., P.C.M., A.M.N., J.P.
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG



*Allah
Lanjutkan Usia*

Tuan Yang Terutama

Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib

S.M.N., P.S.M., S.P.S.A., S.P.C.M., D.U.P.N., P.C.M., A.M.N., J.P.

Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang

&

Yang Mulia Toh Puan

Raja Dato' Seri Utama

Noora Ashikin binti Raja Abdullah

D.U.P.N., D.P.C.M.



TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATO' SERI UTAMA HAJI RAMLI BIN NGAH TALIB
S.M.N., P.S.M., S.P.S.A., S.P.C.M., D.U.P.N., P.C.M., A.M.N., J.P.

YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG



**YANG MULIA TOH PUAN RAJA DATO' SERI UTAMA
NOORA ASHIKIN BINTI RAJA ABDULLAH**
D.U.P.N., D.P.C.M.

Atur Cara

ISTIADAT HARI PERTAMA 11 JULAI 2026 (SABTU)

- 9.00 pagi : Ketibaan Para Jemputan dan Dif-dif Kehormat
- 9.25 pagi : Ketibaan Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow,
Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia
Puan Tan Lean Kee
- 9.30 pagi : Ketibaan Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin
Nghah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia
Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah
diiringi Yang Berhormat Dato' Seri Law Choo Kiang, Yang di-Pertua
Dewan Undangan Negeri Merangkap Pengerusi Majlis-Majlis Rasmi
Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Yang Berbahagia Datin Seri Teoh
Hooi Tuang
- : Negaraku dan Untuk Negeri Kita
 - : Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang menyampaikan
ucapan tahniah dan taat setia kepada Tuan Yang Terutama Yang di-
Pertua Negeri Pulau Pinang bagi pihak Kerajaan dan Rakyat Negeri
Pulau Pinang
 - : Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
 - : Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat
Kehormatan Negeri Pulau Pinang dimulakan
 - : Bacaan Doa
 - : Negaraku dan Untuk Negeri Kita
- 12.30 tengah hari : Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Nghah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja
Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah meninggalkan
Dewan Istiadat dengan diiringi Yang Amat Berhormat Tuan Chow
Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia
Puan Tan Lean Kee serta tetamu jemputan yang lain
- : Jamuan Makan Tengah Hari
 - : Bersurai

Atur Cara

ISTIADAT HARI KEDUA, KETIGA DAN KEEMPAT 13, 14 & 15 JULAI 2026 (ISNIN, SELASA & RABU)

- 8.30 pagi : Ketibaan Para Jemputan dan Dif-dif Kehormat
- 8.55 pagi : Ketibaan Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee
- 9.00 pagi : Ketibaan Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah diiringi Yang Berhormat Dato' Seri Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Merangkap Pengerusi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Yang Berbahagia Datin Seri Teoh Hooi Tuang
- : Negaraku dan Untuk Negeri Kita
 - : Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang dimulakan
 - : Bacaan Doa
 - : Negaraku dan Untuk Negeri Kita
- 12.00 tengah hari : Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah meninggalkan Dewan Istiadat dengan diiringi Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee serta tetamu jemputan yang lain
- : Jamuan Makan Tengah Hari
 - : Bersurai



Senarai

DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT
KEHORMATAN NEGERI
PULAU PINANG



DARJAH UTAMA PANGKUAN NEGERI (D.U.P.N.)



Darjah kebesaran ini ialah darjah yang tertinggi di Negeri Pulau Pinang. Ianya telah dizahirkan pada tahun 1967 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang telah berbuat jasa yang amat cemerlang kepada Negeri Pulau Pinang. Mereka yang dikurniakan darjah ini mempunyai kedudukan yang terulung serta berpengaruh. Darjah ini membawa gelaran Dato' Seri Utama dan isteri penerima digelar Datin Seri. Kurniaan ini dihadkan kepada dua puluh (20) orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara kehormat. Darjah kebesaran ini mengandungi kalung, bintang, selepang dan lencana darjah.

This Order of Chivalry is the highest Order in the State of Penang. It was instituted in 1967 and conferred on individuals of the highest standing in society who have contributed excellent and outstanding services to the State. The recipient of this award should possess an influential, noble and respectable status in society. This award carries the title Dato' Seri Utama and the recipient's wife Datin Seri. This award is limited to twenty (20) living persons, excluding non-Malaysians who may be conferred this award on an honorary basis. The insignia of this Order consists of a collar, a star, a riband and a badge.



DARJAH PANGLIMA PANGKUAN NEGERI (D.P.P.N.)



Darjah kebesaran ini dizahirkan pada tahun 2003 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang berjasa kepada Negeri ini khasnya dan Negara amnya dan mempunyai kedudukan tertinggi dan dihormati. Mereka yang dikurniakan darjah ini digelar Dato' Seri dan isteri penerima digelar Datin Seri. Kurniaan ini dihadkan kepada lima puluh (50) orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara kehormat. Darjah kebesaran ini mengandungi kalung, bintang, selepang dan lencana darjah.

This Order of Chivalry was instituted in 2003 and conferred on individuals of respectable stature who have contributed greatly to the state and country. Persons conferred with this honour carry the title Dato' Seri and the recipient's wife Datin Seri. This award is limited to fifty (50) living persons, excluding non-Malaysians who may be conferred this award on an honorary basis. The insignia of this Order consists of a collar, a star, a riband and a badge.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Darjah kebesaran ini dizahirkan pada tahun 1996 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang menyumbang perkhidmatan yang cemerlang serta mempunyai taraf kedudukan yang tertinggi. Mereka yang dikurniakan darjah ini digelar Dato' Seri dan isteri penerima digelar Datin Seri. Kurniaan ini dihadkan kepada tiga ratus (300) orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara kehormat. Darjah kebesaran ini mengandungi kalung, bintang, selepang dan lencana darjah.

This Order of Chivalry was instituted in 1996 and conferred on individuals of high position who have contributed outstanding services. Persons conferred with this honour carry the title Dato' Seri and the recipient's wife Datin Seri. This award is limited to three hundred (300) living persons, excluding non-Malaysians who may be conferred this award on an honorary basis. The insignia of this Order consists of a collar, a star, a riband and a badge.



DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGERI (D.M.P.N.)



Darjah kebesaran ini dizahirkan pada tahun 1967 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang menyumbang perkhidmatan yang cemerlang serta mempunyai taraf kedudukan yang tertinggi. Mereka yang dikurniakan darjah ini digelar Dato' dan isterinya Datin. Kurniaan ini dihadkan kepada tiga ratus lima puluh (350) orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara kehormat. Darjah kebesaran ini mengandungi bintang, selepang dan lencana darjah.

This Order of Chivalry was instituted in 1967 and conferred on individuals of high status in society who have contributed excellent services. Persons conferred with this honour carry the title Dato' and the recipient's wife Datin. This award is limited to three hundred and fifty (350) living persons, excluding non-Malaysians who may be conferred this award on an honorary basis. The insignia of this Order consists of a star, a riband and a badge.



DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N.)



Darjah kebesaran ini dizahirkan pada tahun 1976 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang menyumbang perkhidmatan yang istimewa serta mempunyai kedudukan yang tinggi. Mereka yang dikurniakan darjah ini digelar Dato' dan isterinya Datin. Kurniaan ini dihadkan kepada seribu lapan ratus (1,800) orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara kehormat. Darjah kebesaran ini mengandungi bintang, selepang dan lencana darjah.

This Order of Chivalry was instituted in 1976 and conferred on individuals of high positions who have contributed invaluable services to the State. Persons conferred with this honour carry the title Dato' and the recipient's wife Datin. This award is limited to one thousand eight hundred (1,800) living persons, excluding non-Malaysians who may be conferred this award on an honorary basis. The insignia of this Order consists of a star, a riband and a badge.



DARJAH JOHAN NEGERI (D.J.N.)



Darjah ini dizahirkan pada tahun 1969 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang memberi perkhidmatan yang gemilang di dalam apa jua lapangan. Darjah ini dihadkan kepada seribu lapan ratus lima puluh (1,850) orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara kehormat.

This Order was instituted in 1969 and conferred on individuals who have contributed outstanding services in any field. This award is limited to one thousand eight hundred and fifty (1,850) living persons, excluding non-Malaysians who may be conferred this award on an honorary basis.



BINTANG CEMERLANG NEGERI (B.C.N.)



Bintang ini dizahirkan pada tahun 1996 dan dikurniakan kepada penjawat dalam perkhidmatan awam yang telah melaksanakan perkhidmatan dengan cemerlang dan perkhidmatan tersebut telah memberi sumbangan terhadap kemajuan, perkembangan dan keselamatan Negeri. Bintang ini dihadkan kepada enam ratus lima puluh (650) orang yang masih hidup.

This medal was instituted in 1996 and conferred on members of the public service who have shown outstanding services which have contributed to the progress, development and security of the State. This award is limited to six hundred and fifty (650) living persons.



PINGAT GAGAH PERWIRA (P.G.P.)



Pingat ini dizahirkan pada tahun 1959 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang telah menunjukkan keberanian atau kegagahan yang luar biasa tatkala menempuh keadaan yang sangat berbahaya kepada dirinya sendiri. Anugerah boleh juga dikurniakan kepada mereka yang telah meninggal dunia.

This medal was instituted in 1959 and conferred on individuals who have displayed extraordinary qualities of bravery and courage in life-threatening situations. This award can also be conferred posthumously.



PINGAT KELAKUAN TERPUJI (P.K.T.)



Pingat ini dizahirkan pada tahun 1959 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang telah menunjukkan jasa-jasa yang terpuji ataupun menunjukkan kecekapan dalam apa jua lapangan. Penerima hendaklah memiliki budi pekerti dan adat resam yang baik dan terpuji.

This medal was instituted in 1959 and conferred on individuals who have exhibited competence or achieved praiseworthy deeds in any field. The recipient must possess good conduct and character.



PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)



Pingat ini dizahirkan pada tahun 1959 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang telah memberi khidmat bakti yang bernilai atau berjasa atau telah berkhidmat dengan penuh tanggungjawab.

This medal was instituted in 1959 and conferred on individuals who have dedicated invaluable and devoted services to the State.



PINGAT JASA MASYARAKAT (P.J.M.)



Pingat ini dizahirkan pada tahun 1969 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang telah memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat amnya.

This medal was instituted in 1969 and conferred on individuals who have given invaluable services to society.



PINGAT BAKTI SETIA (P.B.S.)



Pingat ini dizahirkan pada tahun 1963 dan dikurniakan kepada orang perseorangan dalam perkhidmatan awam yang telah berkhidmat kepada Kerajaan Negeri selama tidak kurang daripada 25 tahun dan mempunyai budi pekerti yang baik.

This medal was instituted in 1963 and conferred on individuals in the civil service who have served the State for not less than 25 years and shown good conduct.



*Sekalung
Penghargaan dan
Tahniah*

**DI ATAS KURNIAAN
DARJAH KEBESARAN, BINTANG
DAN PINGAT KEHORMATAN
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2026**



*Senarai
Penerima*

DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT
KEHORMATAN NEGERI
PULAU PINANG
TAHUN 2026

DARJAH PANGLIMA PANGKUAN NEGERI (D.P.P.N.)	2
DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)	3
DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGERI (D.M.P.N.)	27
DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N.)	28
DARJAH JOHAN NEGERI (D.J.N.)	36
BINTANG CEMERLANG NEGERI (B.C.N.)	39
PINGAT KELAKUAN TERPUJI (P.K.T.)	40
PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)	46
PINGAT JASA MASYARAKAT (P.J.M.)	56
PINGAT BAKTI SETIA (P.B.S.)	70



DARJAH PANGLIMA PANGKUAN NEGERI (D.P.P.N.)



DATUK AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL

D.P.M.S., P.M.W.

Yang Berhormat Datuk Fahmi Fadzil merupakan pemimpin generasi baharu Malaysia yang kini berkhidmat sebagai Menteri Komunikasi serta Ahli Parlimen Lembah Pantai untuk penggal kedua. Dilahirkan pada tahun 1981, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Kimia daripada Purdue University, Indiana, Amerika Syarikat.

Sejak menerajui Kementerian Komunikasi, beliau telah memimpin pelbagai inisiatif strategik untuk memperkukuh sektor komunikasi negara, termasuk usaha menangani isu liputan internet di kawasan luar bandar dan mempercepatkan pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia. Beliau turut memainkan peranan penting dalam peralihan model pelaksanaan 5G daripada pendekatan Rangkaian Borong Tunggal (Single Wholesale Network) kepada Rangkaian Dwi (Dual Network).

Di bawah portfolio Kementerian Komunikasi, beliau turut menyelia sektor perkhidmatan pos, penyiaran, media dan industri kreatif. Komitmen beliau terhadap pembangunan industri media dizahirkan melalui usaha memperkukuh etika kewartawanan, mempertahankan kebebasan media serta memperjuangkan kebajikan pengamal media di negara ini.

Pada Februari 2025, Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia yang dicetuskan dan diperjuangkan sejak 1973 akhirnya diluluskan oleh Dewan Rakyat, sekali gus menjadi satu pencapaian penting di bawah kepimpinan beliau dalam memperkukuh tadbir urus media negara.

Beliau juga memainkan peranan utama dalam Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17, Sultan Ibrahim. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Istiadat Pertabalan, beliau bertanggungjawab menyelaraskan dan memastikan kelancaran pelaksanaan keseluruhan istiadat tersebut. Pada Mac 2025, beliau dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.) yang membawa gelaran Datuk.

Selain itu, beliau turut menggalas tanggungjawab sebagai Jurucakap Kerajaan MADANI.

Sebelum menceburi bidang politik, Datuk Fahmi Fadzil merupakan seorang pengamal teater dan penulis yang telah meraih pelbagai pengiktirafan atas sumbangannya dalam bidang seni dan kesusasteraan.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



DATUK WIRA ABDUL HALIM BIN HAJI MOHAMMAD

D.C.S.M., D.P.S.M., A.M.P., A.D.K., B.C.M.

Beliau dilahirkan pada 29 Julai 1967 di Bagan Datuk, Perak dan mempunyai latar belakang akademik yang kukuh dalam bidang kejuruteraan dan pengurusan. Beliau memperoleh Diploma Kejuruteraan Mekanikal daripada Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1989 dan Ijazah Sarjana dalam bidang Management of Organization daripada Southwest State University, Rusia, pada tahun 2019. Kini, beliau sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sains Politik di Universiti Utara Malaysia.

Kerjaya profesional beliau bermula sebagai Jurutera dan Pengurus Kejuruteraan di Sime Darby Berhad dari tahun 1991 hingga 1998. Sepanjang tempoh tersebut, beliau memperoleh pendedahan dalam bidang pengurusan industri dan korporat. Beliau turut mengikuti latihan industri dan kursus berkaitan pengurusan, pemindahan teknologi serta kejuruteraan, selain menghadiri persidangan di dalam dan luar negara, termasuk di Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Beliau kemudiannya berkecimpung dalam dunia korporat sebagai pemegang saham dan Pengarah Eksekutif Kumpulan di Powerfoam Group of Companies dari tahun 1998 hingga 2004. Kumpulan tersebut merangkumi beberapa syarikat, termasuk Dunlopillo (M) Sdn Bhd dan Powerfoam Industries Sdn Bhd. Selepas itu, beliau memegang beberapa jawatan penting sebagai Pengarah Urusan dan Pengarah di syarikat seperti Cinta Bina Sdn Bhd, Tinex Kaolin Corporation Sdn Bhd serta beberapa syarikat lain dari tahun 2004 hingga 2013.

Komitmen beliau dalam bidang pelaburan strategik diterjemahkan melalui pelantikannya sebagai Pengerusi MARA Incorporated Sdn Bhd (MARA Inc.) sejak tahun 2023. Beliau mengetuai operasi tempatan dan antarabangsa MARA Inc., yang berperanan sebagai cabang pelaburan strategik MARA. Antara bidang dan aset utama di bawah pengurusannya termasuk tenaga boleh baharu, pengurusan hartanah, pembangunan pusat data berkapasiti 50 MW di Bagan Datuk, projek ladang solar berkapasiti 160 MW di bawah CRESS di Chenor, Pahang, serta pengurusan Hotel Premiera Kuala Lumpur. Beliau juga terlibat dalam pengurusan kediaman pelajar di London, iaitu Beaumont House dan MARA Apartments, serta di Melbourne, iaitu 746 Swanston Street dan Dudley International House. Beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Interim MARA Corporation Sdn Bhd dari tahun 2023 hingga 2024 dan bertanggungjawab mengawal selia 12 anak syarikat di bawah MARA, termasuk UniKL, KPTM, UPTM, Pelaburan MARA Berhad, MARA Liner Sdn Bhd, Rural Capital Berhad dan Asia Aerotechnic Sdn Bhd.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Beliau turut aktif dalam beberapa pertubuhan bukan kerajaan dan merupakan Pengerusi Kelab Silaturrahim Bagan Datuk sejak tahun 2023. Melalui peranan tersebut, beliau menyalurkan pelbagai bentuk bantuan, khususnya dalam aspek kebajikan dan pendidikan, kepada masyarakat, terutama penduduk Bagan Datuk, Perak. Beliau juga merupakan Bendahari Rumah Anak Yatim Cahaya Mahkota di Bangi, Selangor, yang diasaskannya pada tahun 2019.

Atas jasa, bakti dan kecemerlangan beliau dalam perkhidmatan kepada masyarakat dan negara, beliau telah dikurniakan pelbagai anugerah serta Darjah Kebesaran. Antaranya ialah Darjah Cemerlang Seri Melaka (D.C.S.M.) pada tahun 2022 yang membawa gelaran Datuk Wira. Beliau turut menerima Ahli Mahkota Perak (A.M.P.) dan Bintang Cemerlang Melaka (B.C.M.) pada tahun 2006, Ahli Darjah Kinabalu (A.D.K.) pada tahun 2007 serta Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M.) pada tahun 2010. Beliau juga telah ditauliahkan sebagai Kolonel Bersekutu (Pertahanan Awam) pada tahun 2014 dan Pesuruhjaya Kanan RELA (Kehormat) pada tahun 2017.



DATO' LOO LEE LIAN

D.S.P.N., D.J.N.

Dato' Loo Lee Lian merupakan Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, iaitu agensi promosi pelaburan utama dan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sejak menyertai InvestPenang pada tahun 2010, beliau telah memainkan peranan penting dalam merangka strategi perindustrian negeri serta memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab semikonduktor dan pembuatan berteknologi tinggi bertaraf global.

Sepanjang tempoh 2010 hingga 2025, Pulau Pinang telah berjaya menarik pelaburan pembuatan yang diluluskan berjumlah RM287 bilion (USD72 bilion), dengan sektor elektrik dan elektronik (E&E) menyumbang sebanyak 72% daripada jumlah tersebut. Dalam tempoh yang sama, Pulau Pinang kekal sebagai antara destinasi utama pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia serta menyumbang lebih 50% daripada jumlah eksport E&E negara. Pelaburan ini turut mewujudkan hampir 250,000 peluang pekerjaan, di samping menyumbang kepada peningkatan KDNK negeri daripada RM78 bilion pada tahun 2015 kepada RM122 bilion pada tahun 2024, sekali gus memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab teknologi dan pembuatan maju bertaraf dunia.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Antara sumbangan terbesar beliau ialah kepimpinan dalam membangunkan Batu Kawan Industrial Park (BKIP) sebagai taman perindustrian berteknologi tinggi generasi baharu Pulau Pinang. Beliau memainkan peranan penting dalam perancangan, pembangunan serta usaha menarik pelabur strategik ke BKIP sejak taman perindustrian tersebut menerima pelabur pertamanya pada tahun 2011. Kini, BKIP menjadi lokasi pilihan syarikat multinasional dan syarikat tempatan bertaraf dunia, antaranya Boston Scientific, Dexcom, Lam Research, Micron, SanDisk, TF-AMD, Pentamaster, Greatech dan UWC Group Berhad, sekali gus menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri berteknologi tinggi dan pelaburan bernilai tinggi di negeri ini.

Beliau turut menerajui transformasi ekosistem semikonduktor Pulau Pinang daripada sebuah hab pembuatan back-end kepada ekosistem teknologi yang lebih menyeluruh, merangkumi reka bentuk litar bersepadu (IC design), pembungkusan termaju (advanced packaging), Automation Test Equipment (ATE), Global Business Services (GBS) serta teknologi berasaskan kecerdasan buatan (AI). Antara inisiatif strategik yang dipimpin beliau ialah Penang Silicon Design @5KM+, Penang ATE Campus, serta pembangunan sektor GBS berintensifkan pengetahuan yang memperkukuh inovasi, pembangunan teknologi dan daya saing industri negeri.

Selain memacu pelaburan, beliau turut memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan inovasi melalui pelaksanaan Penang Future Foundation (PFF), Penang i4.0 Seed Fund dan Penang STEM Talent Blueprint. Inisiatif tersebut ini telah memperkukuh ekosistem inovasi negeri, menyokong pembangunan syarikat pemula teknologi serta melahirkan bakat berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri masa hadapan.

Melalui kepimpinan strategik serta kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pemain industri, beliau telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pembangunan ekonomi Pulau Pinang. Beliau terus memacu usaha menarik pelaburan strategik, memperkukuh pembangunan bakat dan inovasi berteraskan kecerdasan buatan (AI), serta meningkatkan penyertaan syarikat tempatan dalam rantai nilai global. Aspirasi beliau adalah untuk membina ekosistem perindustrian yang berdaya saing dan mampan bagi memastikan Pulau Pinang terus kekal sebagai hab teknologi dan pelaburan bertaraf dunia.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



DATO' MOH SEE ENG

D.S.P.N., D.S.D.K.

Beliau dilahirkan pada 21 November 1963 di George Town, Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan di Penang Free School sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang Teknologi (Binaan) di Kolej Tunku Abdul Rahman, Selangor dan berjaya memperoleh Diploma Teknologi (Binaan).

Beliau memulakan pengalaman kerjayanya dalam bidang pembangunan hartanah dengan berkhidmat di dua syarikat pemaju hartanah terkemuka pada era 1980-an dan 1990-an. Pengalaman tersebut telah memberikan beliau pendedahan luas kepada beliau dalam aspek pembangunan hartanah, pengurusan projek dan operasi industri sebelum beliau menceburi bidang keusahawanan dengan mengasaskan M Summit Group pada tahun 2000. Kini, beliau memegang jawatan sebagai Pengasas dan Pengerusi M Summit Group.

Di bawah kepimpinan beliau, M Summit Group telah berkembang menjadi sebuah syarikat pembangunan hartanah yang disegani melalui pelbagai projek pembangunan perumahan, komersial dan hospitaliti di Pulau Pinang. Antara projek utama yang diterajui beliau ialah Ramah Pavilion, iaitu projek perumahan mampu milik pertama yang dibangunkan oleh pemaju swasta di Pulau Pinang. Projek lain termasuk Taman Ria yang melibatkan pembangunan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, Scots Pavilion yang dilengkapi dengan ciri-ciri mesra orang kurang upaya, The Granite Luxury Hotel, London Pavilion dan Tuan Pavilion.

The Granite Luxury Hotel turut mencipta sejarah apabila diiktiraf oleh The Malaysia Book of Records bagi pencapaian Kolam Renang Berdasar Akrilik Berjulang Tertinggi dan Tempat Letak Kereta Automatik Hotel Tertinggi di Malaysia. Pencapaian ini membuktikan keupayaan beliau dalam menerajui pembangunan inovatif yang bukan sahaja memberikan nilai tambah kepada industri hartanah, malah turut mengangkat nama Pulau Pinang pada peringkat nasional.

Beliau juga merupakan seorang usahawan yang prihatin terhadap kesejahteraan rakyat, khususnya dalam aspek pemilikan rumah. Menyedari kesukaran pembeli rumah untuk mendapatkan kelulusan pinjaman bank, beliau telah memperkenalkan inisiatif sewa beli serta subsidi pinjaman perumahan melalui Kempen RISE bagi membantu lebih ramai rakyat memiliki kediaman sendiri. Usaha ini mencerminkan komitmen beliau dalam



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



memastikan pembangunan hartanah turut memberikan manfaat langsung kepada masyarakat.

Selain kecemerlangan dalam bidang korporat, beliau turut aktif dalam pelbagai pertubuhan profesional, pendidikan, kebudayaan, keagamaan dan kebajikan. Antara jawatan yang disandang beliau termasuk Setiausaha Agung dan Timbalan Presiden Penang Master Builders Association, Ahli Panel Penasihat Industri di Wawasan Open University, Naib Pengerusi Persatuan Persahabatan Penang Hainan, Presiden Pertubuhan Perayaan Phor Thor Lebuh Carnarvon, Pengerusi Perbadanan Pengurusan Wisma/Menara Penang Garden serta pelbagai jawatan Penasihat Kehormat dalam pertubuhan masyarakat dan keagamaan di Pulau Pinang.

Beliau juga dikenali sebagai seorang dermawan yang komited terhadap pembangunan masyarakat. Sepanjang penglibatan beliau dalam aktiviti tanggungjawab sosial korporat, beliau telah menyumbang jutaan ringgit bagi menyokong pembangunan pendidikan, kebajikan, kebudayaan, pemuliharaan warisan, alam sekitar dan usaha sosial di Pulau Pinang. Antara sumbangan utama beliau termasuk menaik taraf Pusat Pembelajaran Karpal Singh Penang, menyumbangkan 20,000 pelitup muka semasa pandemik COVID-19, membina terowong mitigasi banjir bernilai RM2.44 juta, mentransformasikan lorong belakang awam di George Town bernilai RM1 juta serta memberikan bantuan berterusan kepada sekolah, pertubuhan bukan kerajaan, rumah ibadat, rumah kebajikan, anak yatim, warga emas dan keluarga kurang berkemampuan.

Atas kepimpinan yang cemerlang dan sumbangan beliau kepada industri hartanah, keusahawanan dan pembangunan masyarakat, beliau dan M Summit Group telah menerima pelbagai pengiktirafan pada peringkat nasional dan antarabangsa. Antara pengiktirafan tersebut termasuk Entrepreneur of the Year Award (Male) dan Best in CSR (daripada Star Outstanding Business Awards), Golden Bull Award, Golden Eagle Award, Best Leisure Development dan Best New Hotel Construction & Design Award (Asia Pacific Property Awards), Best Luxury Real Estate Developer (Luxury Lifestyle Awards) serta World Distinguished Business Leader Lifetime Achievement Award (KSI Strategic Institute for Asia Pacific).

Beliau sebelum ini telah dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) pada tahun 2021 serta Darjah Kebesaran Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) pada tahun 2014 sebagai pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangan beliau.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



DATUK IR. RAMAKRISHNAN GOVINDASAMY

P.G.D.K., J.P.

Beliau dilahirkan pada 27 Mei 1949 di Kuala Ketil, Kedah. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal daripada Universiti Brighton, United Kingdom yang diperoleh pada tahun 1973. Beliau merupakan seorang Jurutera Profesional (P.Eng.) yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Fellow of the Institution of Engineers, Malaysia (F.I.E.M.), Fellow of the Institution of Mechanical Engineers, United Kingdom (F.I.Mech.E), serta seorang Chartered Engineer (C.Eng.) yang berdaftar dengan Council of Engineering Institutions, United Kingdom. Beliau juga merupakan ahli Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM). Di samping itu, beliau memiliki Sijil Kekompetenan Jurutera Stim Gred Pertama yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH).

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Jurutera Mekanikal di Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 1974. Selepas berkhidmat untuk tempoh yang singkat di JKR, beliau menyertai Kumpulan Guthrie Berhad sebagai Jurutera Kilang di Bahagian Pembuatan. Pada tahun 1980, beliau menyertai Konsultant Proses Sdn. Bhd. (KONPRO) sebagai Pengarah Projek dan masih berkhidmat dengan firma tersebut sehingga kini sebagai Pengarah Urusan. Beliau kini memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan firma tersebut. Konsultant Proses Sdn. Bhd. (KONPRO) merupakan sebuah firma perunding kejuruteraan terkemuka yang mengkhusus dalam perkhidmatan berkaitan industri minyak sawit. Di bawah kepimpinannya, firma ini telah menyediakan pelbagai perkhidmatan perundingan kejuruteraan bagi menjayakan pelaksanaan lebih daripada 200 buah loji pemprosesan kelapa sawit dan getah serta loji berkaitan di Malaysia serta luar negara. Firma ini terus menyediakan perkhidmatan profesional di seluruh rantau pengeluaran minyak sawit di peringkat antarabangsa.

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun pengalaman dalam industri, beliau telah memberikan sumbangan yang signifikan melalui pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan, reka bentuk kejuruteraan serta perkhidmatan teknikal dan khidmat nasihat kepada organisasi antarabangsa termasuk Bank Dunia, Asian Development Bank (ADB), United Nations Development Programme (UNDP) dan Islamic Development Bank (IsDB).

Beliau juga bekerjasama rapat dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) serta pelbagai Agensi Kerajaan dalam memajukan industri minyak sawit. Beliau turut menyertai dan membentangkan kertas kerja teknikal dalam pelbagai persidangan dan



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



seminar antarabangsa berkaitan sektor tersebut.

Di samping perkhidmatan perundingan kejuruteraan, KONPRO Group of Companies turut terlibat secara aktif dalam pelbagai bidang perniagaan yang berkaitan dengan pembangunan ladang kelapa sawit, tenaga boleh baharu, rawatan sisa industri, pembangunan hartanah serta pergudangan. Kumpulan ini juga telah berjaya melaksanakan pelbagai projek pembangunan hartanah, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah organisasi yang terlibat dalam pelbagai bidang kejuruteraan dan pembangunan.

Sebagai pengiktirafan terhadap perkhidmatan dan sumbangan beliau yang cemerlang, beliau telah dikurniakan Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (P.G.D.K.) pada tahun 1997 serta dilantik sebagai Jaksa Pendamai (J.P.) oleh Yang di-Pertua Negeri Melaka pada tahun 2011.



DATO' SAIFUL NIZAM BIN MOHD YUSOFF

D.I.M.P.

Beliau dilahirkan pada 18 Disember 1970. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan (Kepujian) daripada Universiti Sains Malaysia pada tahun 1994. Sebelum itu, beliau menamatkan pengajian matrikulasi di STAR Ipoh pada tahun 1988 dan Sijil Pelajaran Malaysia di Institut Teknik Pulau Pinang pada tahun 1987.

Beliau memulakan kerjaya dalam industri minyak dan gas bersama Sime Engineering Sdn. Bhd. sebelum meneruskan kerjaya dalam sektor pembinaan sebagai Pengurus Projek di Projass Engineering Sdn. Bhd. (2000) dan Javel Engineering Sdn. Bhd. (2003). Sepanjang tempoh tersebut, beliau terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala besar termasuk projek pembinaan institusi pendidikan, pembangunan kampus universiti serta penyelenggaraan fasiliti kerajaan.

Pada tahun 2002, beliau menubuhkan Menara Rezeki Sdn. Bhd. dan kini menerajui Kumpulan Menara Rezeki sebagai Pengarah Urusan. Di bawah kepimpinan beliau, syarikat tersebut berkembang daripada sebuah syarikat kontraktor kepada sebuah syarikat pembinaan bertaraf G7 CIDB dan telah diiktiraf sebagai Syarikat Bumiputera Berprestasi



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Tinggi di bawah Program TERAJU. Berbekalkan visi yang progresif dan kepimpinan yang dinamik, beliau berjaya mempelbagaikan aktiviti perniagaan Kumpulan yang meliputi sektor pembangunan hartanah, pengurusan fasiliti penjagaan kesihatan, hospitaliti, peralatan teknologi tinggi, keterjaminan makanan dan pengimportan bahan binaan.

Selain menerajui Kumpulan Menara Rezeki, beliau turut memegang pelbagai jawatan penting dalam sektor korporat sebagai Pengerusi Jiankun International Berhad, Pengerusi Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (Negeri Pahang), Pengerusi Teedo Hospitality Sdn. Bhd., Pengerusi Data Point Sdn. Bhd., Pengarah Menara Asia Sdn. Bhd., Pengarah Menara Meditech Sdn. Bhd, serta Pengarah Elay Project Sdn. Bhd.

Beliau dikenali sebagai seorang pemimpin korporat yang berwawasan dan berwibawa serta memiliki visi strategik dan jaringan kerjasama yang kukuh dengan Agensi Kerajaan, institusi kewangan dan sektor swasta. Di bawah kepimpinan beliau, pelbagai inisiatif dan projek berimpak tinggi telah berjaya dilaksanakan, sekali gus menyumbang kepada pembangunan industri pembinaan, pembangunan hartanah, pengurusan fasiliti, pendidikan, teknologi serta pertumbuhan ekonomi negara.

Atas sumbangan cemerlang beliau dalam bidang keusahawanan, pembangunan industri dan khidmat kepada negara, beliau telah dikurniakan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) pada tahun 2013 yang membawa gelaran Dato'. Beliau turut diberi kepercayaan untuk memegang pelbagai pelantikan berprestij, antaranya sebagai Kolonel Bersekutu Angkatan Pertahanan Malaysia pada tahun 2023, Profesor Adjung Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2023, serta Ahli Lembaga Pelawat Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada tahun 2025. Pengiktirafan dan pelantikan tersebut mencerminkan kewibawaan, kepakaran serta sumbangan besar beliau pada peringkat nasional.



DATO' TAN KIAN POO

D.S.P.N., D.J.N.

Beliau dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1955 dan merupakan usahawan berjaya dalam penternakan ikan sangkar laut dimana hasil lautan diekspot ke luar negara melalui Syarikat Eng Seng Fishery.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Seorang tokoh dermawan yang aktif dalam kegiatan sosial masyarakat terutamanya di bidang pendidikan, keagamaan dan kebajikan. Kini memegang banyak jawatan penting di beberapa pertubuhan.

Dilantik sebagai Pengerusi SJKC Keng Koon pada 2017 dan berjaya membawa peningkatan fasiliti sekolah demi keselesaan murid-murid. Beliau juga berjaya mengumpul dana sebanyak RM11.2 juta dalam projek pembelian tanah dan pembinaan dua (2) buah blok bangunan baru.

Beliau turut membantu Pusat Hemodialysis Seberang Perai Selatan menambah mesin dialisis hingga 20 unit dimana ramai pesakit golongan B40 mendapat manfaat. Selain itu, beliau juga pernah menjawat jawatan Pengerusi MPKK Bukit Tambun selama 10 tahun sehingga tahun 2018 dan banyak berkhidmat kepada rakyat kawasan tersebut.

Telah dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) pada tahun 2015 dan Darjah Johan Negeri (D.J.N.) pada tahun 2010 oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.



DATUK SERI HASHIM BIN HAMZAH

S.M.W., D.P.M.K., D.S.P.N., P.C.M., D.J.N., A.M.P.

YAA Datuk Seri Hashim bin Hamzah dilahirkan pada 26 Disember 1961 di Pulau Pinang. YAA merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada tahun 1985. YAA juga telah diterima masuk dan didaftarkan sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 19 Oktober 1996.

Kerjaya YAA dalam bidang perundangan bermula apabila YAA menyertai perkhidmatan awam sebagai Majistret dari tahun 1985 sehingga 1992. YAA kemudiannya telah dilantik sebagai Ketua Unit Pendakwaan dan Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Peguam Negara dari tahun 1992 hingga 2003. YAA juga dilantik sebagai Hakim Mahkamah Sesyen dari tahun 2000 hingga 2008, termasuk berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Sesyen di Butterworth dari tahun 2003 hingga 2007.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Pada tahun 2009, YAA telah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dan seterusnya sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dari tahun 2010 hingga 2012.

Pada 1 November 2012, YAA telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor. Kemudiannya, YAA dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi di mahkamah yang sama pada tahun 2014. YAA juga pernah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Tinggi di Alor Setar, Kedah dari tahun 2015 hingga 2018 dan di Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak dari tahun 2018 hingga 2021.

Pada 1 April 2021, YAA telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan, dan kemudiannya dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan pada 3 Disember 2025. Kemuncak kerjaya kehakiman YAA dilakar pada 3 Disember 2025 apabila YAA secara rasmi dilantik sebagai Hakim Besar Malaya.

Sebagai menghargai sumbangan YAA kepada negara, YAA telah dikurniakan Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P.) pada tahun 1998 dan Darjah Johan Negeri (D.J.N.) Pulau Pinang pada tahun 2007. Pada tahun 2008, YAA telah dikurniakan Darjah Paduka Cura Si Manja Kini (P.C.M.) daripada Negeri Perak, seterusnya YAA juga telah dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri Pulau Pinang (D.S.P.N.) pada tahun 2010. Pada tahun 2017, YAA telah dikurniakan Darjah Paduka Mahkota Kedah (D.P.M.K.) oleh Kebawah DYMM Sultan Kedah pada ketika itu, iaitu Almarhum Al-Mu'tasimu Billahi Muhibbuddin Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Sultan Badlishah. Kemudiannya pada 5 Februari 2026, YAA telah dikurniakan Darjah Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.) oleh Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.



DATO' KK SIHABUTHEEN BIN KIRUDU MOHAMED

D.I.M.P., D.S.P.N.

Beliau dilahirkan pada 7 Disember 1965 di Pulau Pinang. Beliau merupakan seorang tokoh korporat dan usahawan yang mempunyai pengalaman lebih tiga (3) dekad dalam industri makanan, hospitaliti dan pembangunan perniagaan serta telah memberikan sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang dan Malaysia.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pykett, Pulau Pinang sebelum melanjutkan pelajaran di Madras Christian College Higher Secondary School, Chennai, India. Beliau kemudiannya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Seni Bina (Kepujian) daripada Manipal Institute of Technology, India pada tahun 1990.

Kerjaya beliau bermula sebagai arkitek di Arkitek Pertama (1990–1994) sebelum berkhidmat sebagai Arkitek Kanan di Architect Urbanisma (1994–1997). Sejak tahun 1997, beliau merupakan Pengarah Eksekutif Pelita Samudra Pertama (M) Sdn. Bhd. dan memainkan peranan penting dalam membangunkan Kumpulan Pelita menjadi antara kumpulan syarikat makanan dan hospitaliti terkemuka di Malaysia. Di bawah kepimpinan beliau bersama ahli Lembaga Pengarah yang lain, Kumpulan Pelita kini mengendalikan 30 cawangan Restoran Nasi Kandar Pelita di seluruh negara, di samping menyumbang kepada pembangunan industri makanan, hospitaliti dan pelancongan serta menyediakan peluang pekerjaan kepada ribuan rakyat Malaysia. Rangkaian restoran tersebut turut diiktiraf sebagai Rantainya Restoran Nasi Kandar Terbesar di Malaysia oleh Malaysia Book of Records pada tahun 2016.

Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah Hotel Palm Inn (M) Sdn. Bhd., memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Nur Best Management (M) Sdn. Bhd. sejak tahun 2003 serta IM Orientation Academy Sdn. Bhd. sejak tahun 2004. Sejak tahun 2015, beliau juga merupakan salah seorang Pengarah Eksekutif The Light Hotel (M) Sdn. Bhd., yang mengendalikan The Light Hotel Penang, sebuah hotel bertaraf lima bintang yang menjadi antara mercu tanda industri hospitaliti dan pelancongan di Negeri Pulau Pinang.

Selain aktif dalam bidang korporat, beliau juga aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Beliau pernah menyandang jawatan Timbalan Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA) dari tahun 2010 hingga 2013. Sejak tahun 2013, beliau merupakan Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Islam Malaysia (PPRIM), manakala sejak tahun 2015 beliau turut memegang jawatan sebagai Presiden Persatuan Muslim Athiyuthu Pulau Pinang.

Atas kecemerlangan dan sumbangan beliau dalam bidang keusahawanan, beliau menerima anugerah The One Award – Malaysia Outstanding National Entrepreneurs 2018. Pada tahun 2019, Pelita Samudra Pertama (M) Sdn. Bhd. menerima pengiktirafan Industry Excellence in Food & Beverage menerusi Penang Top Achievers, manakala The Light Hotel Penang menerima anugerah Icon of the Year. Beliau turut dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) pada tahun 2019 dan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) pada tahun 2011.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Di samping kejayaan dalam bidang korporat, Dato' Haji KK Sihabutheen turut dikenali sebagai seorang usahawan yang komited terhadap tanggungjawab sosial melalui penglibatan aktif dalam pelbagai program kebajikan, pendidikan, keagamaan dan pembangunan masyarakat. Dedikasi serta sumbangan berterusan beliau terhadap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat menjadikan beliau seorang tokoh korporat yang dihormati serta disegani.



DATO' MURALIDARAN A/L RAGUNATHAN

D.M.P.N., D.S.P.N., D.J.N., P.K.T., P.J.K.

Beliau dilahirkan pada 1 Julai 1966 di Kulim, Kedah. Beliau berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Kejuruteraan Elektrikal di Institut Teknologi Federal. Beliau merupakan Pengarah Urusan Dynuricom Sdn. Bhd., iaitu kontraktor TNB yang berdaftar dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Nivas Marketing (M) Sdn. Bhd. sejak tahun 2003. Syarikat tersebut dikenali sebagai AKS Nivaas Sdn. Bhd. sejak tahun 2010 dan menjalankan perniagaan dalam bidang pemprosesan serta pengeluaran bahan makanan dan rempah-ratus.

Beliau merupakan usahawan berjaya yang bergiat aktif dalam aktiviti kebajikan, sosial dan kemasyarakatan. Beliau turut terlibat dalam pelbagai aktiviti, termasuk usaha memartabatkan kebudayaan Tamil di Pulau Pinang. Dalam bidang kebajikan masyarakat, beliau memberikan sumbangan kepada sekolah-sekolah di sekitar Butterworth untuk tujuan pembangunan, Masjid Jamek Bagan Dalam, kuil-kuil serta Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) di sekitar Butterworth dan Pulau Pinang. Beliau juga telah menghulurkan bantuan makanan kepada mangsa yang hilang sumber pendapatan serta pesakit COVID-19 di Hospital Pulau Pinang semasa negara dilanda pandemik COVID-19. Beliau turut menyumbang bagi pembinaan tempat letak kereta di Kuil Sri Muniswarar, Jalan Baru, Perai, Pulau Pinang, yang terletak di kawasan Parlimen Batu Kawan.

Beliau juga menganggotai pelbagai persatuan, antaranya Malaysian Indian Chamber of Commerce & Industry Penang (1998), Indian Association Penang (2009), Penang Club (2019), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (1993), Persatuan Kontraktor India Malaysia (2023), Persatuan Malayali Malaysia Utara (2024) dan Koperasi Malayalee Malaysia Berhad (2024).



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Sebagai pengiktirafan terhadap kegigihan dan keprihatinan beliau, beliau telah dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (1997), Pingat Kelakuan Terpuji (2000), Darjah Johan Negeri (2011), Darjah Setia Pangkuan Negeri (2013) dan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (2021) oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.



TAN SRI DATO' MURUGAN A/L DORAISAMY

P.S.M., D.I.M.P., D.M.P.N., D.S.P.N., D.J.N., P.J.K.

Beliau dilahirkan pada 8 Mei 1970 di Pulau Pinang. Beliau merupakan seorang tokoh korporat dan usahawan yang disegani dengan pengalaman lebih tiga (3) dekad dalam industri makanan, hospitaliti dan pembangunan perniagaan serta telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang dan Malaysia.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah St. Mark, Butterworth sebelum meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Mak Mandin, Butterworth. Sejak usia muda, beliau telah menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang keusahawanan dan memulakan perniagaan pada usia remaja.

Beliau merupakan Pengarah Urusan Pelita Samudra Pertama (M) Sdn. Bhd., syarikat yang mengendalikan rangkaian Restoran Nasi Kandar Pelita, salah satu jenama restoran nasi kandar yang terkemuka di Malaysia. Di bawah kepimpinan beliau, Kumpulan Pelita kini mengendalikan sebanyak 30 cawangan Restoran Nasi Kandar Pelita di seluruh negara serta mewujudkan 1,500 peluang pekerjaan. Rangkaian restoran tersebut turut diiktiraf sebagai Rantaian Restoran Nasi Kandar terbesar di Malaysia oleh Malaysia Book of Records pada tahun 2016.

Beliau juga merupakan Pengarah Urusan The Light Hotel (M) Sdn. Bhd., hotel bertaraf lima bintang yang menjadi antara mercu tanda industri hospitaliti di Seberang Perai serta menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan dan ekonomi Negeri Pulau Pinang, selain memegang jawatan sebagai Pengarah Pelita Ventures Sdn. Bhd. dan Hotel Palm Inn (M) Sdn. Bhd.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Selain menerajui pelbagai syarikat, beliau turut aktif menyumbang kepada pembangunan komuniti perniagaan melalui penglibatan dalam beberapa pertubuhan. Antara jawatan yang disandang ialah Penaung Persatuan Pengusaha Restoran India, Malaysia (PRIMAS), Pemegang Amanah Malaysian Indian Chamber of Commerce and Industry, Penang serta Pemegang Amanah Dewan SJK(T) Mak Mandin.

Beliau turut menerima pengiktirafan sebagai Penang Top Achievers 2019 – Icon of the Year serta Penang Indian Chambers Lifetime Achievement Award 2019 atas sumbangan cemerlang dalam bidang keusahawanan dan pembangunan ekonomi.

Selain kejayaan dalam bidang korporat, beliau turut dikenali sebagai seorang usahawan yang amat komited terhadap tanggungjawab sosial. Melalui pelbagai inisiatif kebajikan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR), beliau telah menyalurkan bantuan kepada golongan kurang berkemampuan, rumah anak yatim, institusi pendidikan, rumah ibadat, pertubuhan kebajikan, petugas barisan hadapan, mangsa bencana alam serta pelbagai pertubuhan masyarakat, sekali gus memberikan manfaat kepada ribuan penerima di seluruh negara.

Atas jasa dan sumbangan beliau kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat, beliau telah dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) pada tahun 1999, Darjah Johan Negeri (D.J.N.) pada tahun 2008, Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) pada tahun 2009, Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) pada tahun 2011, Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N.) pada tahun 2016 serta Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran Tan Sri pada tahun 2017.

Beliau terus memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor makanan, hospitaliti dan pelancongan negara serta aktif menyumbang kepada pembangunan komuniti perniagaan dan kesejahteraan masyarakat melalui pelbagai inisiatif kebajikan dan tanggungjawab sosial korporat.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



DATO' PEH LAI YIAN

D.I.M.P.

Dato' Peh Lai Yian, yang kini berusia 47 tahun, merupakan seorang tokoh korporat dan usahawan berwawasan yang memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Bullish Aim. Beliau memiliki kelayakan akademik Sarjana Muda Perdagangan (Ekonomi dan Kewangan) daripada Universiti Murdoch, Australia Barat.

Beliau memiliki lebih daripada 20 tahun pengalaman luas dalam sektor telekomunikasi, infrastruktur digital dan pendigitalan utiliti. Kerjaya beliau memperlihatkan gabungan mantap antara kepimpinan komersial dengan inovasi teknologi yang menyumbang secara langsung kepada agenda pembangunan digital negara.

Sebagai antara perintis awal dalam industri, beliau terlibat secara aktif dalam inisiatif penyelidikan dan pembangunan bagi menyokong kesediaan infrastruktur telekomunikasi 4G dan 5G negara, di samping merintis inisiatif Infrastruktur Gentian Bersama di Johor yang berjaya mempercepat pelaksanaan rangkaian di seluruh negara serta mengoptimumkan perbelanjaan modal industri.

Sumbangan signifikan beliau terhadap keselamatan awam dizahirkan melalui BA Utilities Sdn Bhd, menerusi pembangunan platform pemetaan utiliti bawah tanah berasaskan realiti terimbuh yang berjaya mengurangkan kadar kemalangan di tapak kerja melebihi 90 peratus.

Kini, beliau sedang menerajui projek strategik nasional iaitu pembangunan Stesen Pendaratan Kabel di Johor bagi memudah cara pendaratan kabel dasar laut antarabangsa, di samping memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab digital serantau serta melindungi kedaulatan data negara.

Beliau menerima Anugerah Inovasi GoMobile pada tahun 2012 yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Beliau juga menerima Anugerah Usahawan Terbaik Sarawak (Sarawak Entrepreneur of the Year) daripada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak pada tahun 2015 sebagai penerima termuda pada usia 36 tahun.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



DATUK SOO SZE CHING

S.J.M.K., D.J.M.K., P.M.W., J.P.

Beliau dilahirkan pada 5 Mac 1976 di Kuala Lumpur dan merupakan tokoh korporat yang telah berbakti selama lebih daripada 20 tahun dalam industri pembinaan. Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Awam di Brunfield Construction Sdn. Bhd. pada tahun 2000, sebelum menjadi Pengarah Projek di Nusanilai Sdn. Bhd. pada tahun 2001.

Berbekalkan kepimpinan yang cemerlang, beliau kemudiannya mengasaskan beberapa syarikat, antaranya Asianmax Corporation Sdn. Bhd. pada tahun 2008, yang diterajunya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah sehingga tahun 2024, serta Noble Pinnacle Sdn. Bhd., Euro Development Sdn. Bhd. dan Noble Pinnacle Holding Sdn. Bhd. Sepanjang kerjayanya, beliau telah menyelia dan melaksanakan projek sektor awam dan swasta bernilai ratusan juta ringgit.

Pada 1 Disember 2025, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Vestland Berhad dan dilantik semula sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan pada 10 Februari 2026. Sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, beliau bertanggungjawab menerajui hala tuju strategik, merangka pelan perniagaan jangka panjang untuk kelulusan Lembaga Pengarah, mengurus operasi secara menyeluruh, memantau prestasi kewangan serta memastikan pentadbiran tadbir urus korporat mematuhi garis panduan yang ditetapkan.



DATO' CHAN FOK SENG

D.S.P.N.

Beliau dilahirkan pada tahun 1950. Beliau mendapat pendidikan rendah dan menengah di Chung Ling High School, Pulau Pinang. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di Cornell University, Amerika Syarikat dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains serta Sarjana Kejuruteraan Awam. Pada tahun 1977, beliau kembali ke Pulau Pinang untuk menyertai Chong Company Sdn. Bhd. dan dilantik sebagai Pengarah Eksekutif serta Pengarah Urusan Chong Company Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikatnya.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Beliau telah menerajui Chong Company serta anak-anak syarikatnya dalam pelaksanaan projek rumah mampu milik dan rumah kos sederhana rendah untuk rakyat Pulau Pinang, serta kemudahan awam seperti kompleks pasar dan pusat makanan yang memberikan peluang perniagaan kepada peniaga kecil di sekitar Pulau Pinang. Selain itu, beliau juga giat dalam pembangunan sektor hospitaliti dan perindustrian. Beliau turut aktif dalam kegiatan amal serta terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan, kesukanan dan kebajikan sekolah-sekolah.

Beliau telah mewakili Chong Company dan Hwa Sing dalam pertubuhan REHDA Cawangan Pulau Pinang sejak tahun 1978. Beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Teknikal REHDA dan mewakili REHDA Pulau Pinang dalam komponen SPEAD yang sering mengadakan perbincangan dengan Jabatan dan Agensi Kerajaan bagi merumuskan dasar dan garis panduan berkaitan pembangunan hartanah.

Beliau telah dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) pada tahun 2015 sebagai pengiktirafan atas bakti dan kecemerlangan perkhidmatan beliau.



DATO' CHANG KHIM WAH

D.S.P.N.

Beliau dilahirkan pada 12 Ogos 1964 di Selangor Darul Ehsan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan daripada University of New South Wales, Australia, serta merupakan Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Ahli Institusi Jurutera Malaysia (IEM).

Dengan pengalaman melebihi 35 tahun dalam industri hartanah, beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Eksekutif Presiden SP Setia Group dari tahun 1990 hingga 2013. Sepanjang tempoh tersebut, beliau telah menerajui pembangunan pelbagai projek ikonik, termasuk Setia SPICE Convention Centre.

Kini, beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif EcoWorld Development Group Berhad. Di bawah kepimpinan beliau, EcoWorld telah menerajui pelbagai projek pembangunan hartanah, termasuk pelaksanaan pembangunan 272 unit



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



rumah kos rendah di Ladang Kalidonia bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan penempatan semula penduduk asal yang sedia ada di kawasan tersebut.

Melalui penglibatan aktif dalam Yayasan EcoWorld, beliau telah memacu penyaluran sumbangan berjumlah kira-kira RM4 juta setahun. Sumbangan ini telah memberikan manfaat kepada lebih 3,000 pelajar daripada peringkat sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi melalui Program Bantuan Pelajar, sekali gus menyokong pembangunan pendidikan serta meningkatkan kualiti hidup para penerima.

Kecemerlangan kepimpinan beliau turut diiktiraf menerusi penerimaan anugerah Outstanding Property CEO di The Edge Malaysia Property Excellence Awards 2015 serta Property CEO of the Year di FIABCI Malaysia Property Award 2024.

Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan dan jasa bakti beliau, beliau telah dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) pada tahun 2010 oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun ke-72.



DATO' SAW CHANG HENG

D.S.P.N.

Beliau dilahirkan pada 23 Oktober 1956 di Bagan Serai, Perak. Beliau mengasaskan Kumpulan PENPEC pada tahun 1993 dan kini merupakan Pengarah Eksekutif Kumpulan PENPEC. Di bawah kepimpinan beliau, kumpulan tersebut telah berkembang menjadi rangkaian peruncitan yang mengendalikan lebih daripada 120 stesen minyak berjenama dan 80 buah kedai serbaneka di seluruh Semenanjung Malaysia.

Selain memimpin syarikat, beliau turut memainkan peranan sebagai penghubung antara pihak Kerajaan dan pengusaha stesen minyak bagi menggalakkan pematuhan kepada peraturan serta menyokong pembangunan industri peruncitan yang mampan.

Beliau amat komited dalam bidang pendidikan dan kini menyandang jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Pengelola SJK(C) Han Chiang serta Naib Pengerusi Lembaga Pengarah Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Universiti Han Chiang, Pulau Pinang. Beliau turut menggalakkan kerjasama antara sektor industri dan institusi



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



pengajian tinggi, termasuk Universiti Sains Malaysia (USM), dalam pembangunan bakat, penyelidikan dan inovasi.

Dalam bidang kemasyarakatan, beliau aktif bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang melalui penganjuran Program Jualan Rahmah bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat. Beliau juga berkhidmat sebagai Naib Presiden Persatuan Teochew Pulau Pinang, Ahli Persatuan Kebajikan 88 Kapten Pulau Pinang serta Penasihat Kehormat Tzu Yun Koong Moral Uplifting Society Pulau Pinang.

Melalui penglibatan aktif dalam bidang keusahawanan, pendidikan dan khidmat masyarakat, beliau telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi, modal insan serta kesejahteraan masyarakat di Pulau Pinang. Sebagai pengiktirafan terhadap kepimpinan dan jasa beliau, beliau dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) pada tahun 2021 yang membawa gelaran Dato'.



DATUK ZULFIKRI BIN OSMAN

P.J.N., D.S.P.J.

YBhg. Datuk Zulfikri bin Osman ialah Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA). Beliau telah memainkan peranan signifikan dalam menerajui pelbagai inisiatif strategik bagi memperkukuh pembangunan sosioekonomi Bumiputera, terutamanya dalam bidang pendidikan dan keusahawanan di negara ini.

Dilahirkan pada 25 September di Perlis, beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta Sarjana Sains Pengurusan daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau juga telah mengikuti Program Eksekutif Lanjutan di Harvard Kennedy School, Amerika Syarikat dan INSEAD, Singapura, yang memperkukuh kompetensi kepimpinan dan pengurusan beliau pada peringkat antarabangsa.

Sepanjang 36 tahun berkhidmat di MARA, beliau telah menyanggah pelbagai jawatan penting termasuk sebagai Atase Pendidikan di Kedutaan Besar Malaysia di United Kingdom. Pengalaman luas beliau merangkumi bidang pembangunan modal insan,



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



aeroangkasa, pelaburan dan keusahawanan, menjadikan beliau antara tokoh yang sering dirujuk dalam pelbagai sektor strategik. Beliau turut dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM), di samping Profesor Adjung di UniKL dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).

Dalam sektor korporat, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah MBM Resources Berhad, sebuah syarikat awam tersenarai. Beliau juga memegang jawatan sebagai Pengerusi MARA Corporation serta Ahli Lembaga Pengarah KUIPs Sdn. Bhd. Beliau sebelum ini turut pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Aeroangkasa Malaysia dan Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Industry-Government Group for High Technology (MIGHT).

Komitmen beliau terhadap pembangunan masyarakat turut terserlah melalui penglibatan aktif dalam pelbagai pertubuhan, antaranya sebagai Naib Pengerusi Association of Development Finance Institutions of Malaysia (ADFIM) dan Naib Presiden The Organization for Industrial, Spiritual and Cultural Advancement (OISCA).

Dengan sumbangan cemerlang, nilai kepimpinan serta dedikasi berterusan Datuk Zulfikri bin Osman dalam memperkasa agenda pembangunan sosioekonomi Bumiputera dan modal insan negara, beliau telah dikurniakan Darjah Kebesaran Dato' Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (D.S.P.J.) pada tahun 2018 dan Panglima Jasa Negara (P.J.N.) pada tahun 2026.



DATO' LEE CHEE WONG

D.M.P.N., D.S.P.N., D.J.N., P.J.K., P.J.M.

Beliau dilahirkan di China pada tahun 1935 dan berhijrah ke Pulau Pinang pada tahun 1947. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Li Tek Pulau Pinang pada usia 13 tahun dan terpaksa berhenti sekolah selepas Darjah 4. Beliau seterusnya mula bekerja dan menceburi bidang perniagaan.

Dengan ketabahan dan usaha yang gigih, beliau telah mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan. Namun begitu, beliau tidak melupakan tanggungjawab dan kewajipan beliau kepada masyarakat.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Sejak tahun 1980-an, beliau bergiat aktif dalam pelbagai pertubuhan dan pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Penang Chinese Chamber of Commerce, Presiden Federation of Koo Kong Chau Luk Yup Association, Naib Pengerusi Dewan Perhimpunan Cina Pulau Pinang, Presiden Porcelain Traders Association Penang, Presiden Persatuan Sun Wui Wul Koon Pulau Pinang, Penasihat Eksekutif Persatuan Lee Sih Chong Soo Pulau Pinang, Pengerusi Eksekutif Lembaga Jemaah Pengurus SJK(C) Shang Wu Pulau Pinang, Naib Pengerusi Chee Hoon Khor Moral Uplifting Society Pulau Pinang, Naib Pengerusi Persatuan Kwang Tung dan Tengchow, Penasihat Kanan Ng Fook Thong Cantonese Districts Association, Pengarah Kong Hock Keong (Goddess of Mercy Temple) dan Penasihat Kanan Persatuan Kebajikan Jiangmen Utara Malaysia.

Kini, beliau lebih banyak memainkan peranan sebagai Penasihat Kanan atau Pemegang Amanah kepada beberapa pertubuhan yang dinyatakan.



DATO' DR. MOHAMED AMIR SHAH BIN ABDUL AZIZ

D.S.P.N., P.J.K.

Beliau dilahirkan pada tahun 1978 dan berketurunan Melayu Pulau Pinang. Beliau menamatkan pendidikan awal di SK Batu Lanchang, Penang Free School dan Matrikulasi USM. Atas pencapaian akademik yang cemerlang, beliau ditawarkan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) oleh Kerajaan Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di United Kingdom pada tahun 1997.

Beliau merupakan satu-satunya warganegara Malaysia yang dipilih oleh Christie Hospital, Manchester, United Kingdom, untuk menjalani latihan kepakaran kanser sebagai Specialist Registrar dari tahun 2006 hingga 2009.

Beliau memiliki Ijazah Perubatan (MBChB) daripada University of Leicester, United Kingdom. Beliau merupakan satu-satunya pakar kanser di Pulau Pinang yang memiliki fellowship daripada tiga negara, iaitu Academy of Medicine of Malaysia (FAMM), Royal College of Radiologists, United Kingdom (FRCR) dan Royal College of Surgeons in Ireland (FFRCSI).



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Beliau diiktiraf oleh ICON Cancer Centre Australia dan Singapura sebagai Pakar Perunding Kanan Onkologi pertama di Pulau Pinang serta merupakan satu-satunya Pengarah Perubatan pusat kanser yang mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang rawatan kanser.

Pada tahun 2025, beliau merupakan satu-satunya penerima fellowship daripada Akademi Perubatan Malaysia dalam bidang onkologi yang dianugerahkan oleh DYMM Sultan Perak.

Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan cemerlang dalam bidang perubatan dan jasa kepada masyarakat, beliau telah dianugerahkan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.).

Beliau turut dianugerahkan Ikon Pendakwah Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Maal Hijrah oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Beliau juga menerima anugerah Tokoh Kemasyarakatan sempena Sambutan Maulidur Rasul dan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Berdasarkan sumbangan dan kepakaran beliau, beliau turut dilantik sebagai Ahli Majlis Syura dan Ahli Lembaga Pengarah Zakat Negeri Pulau Pinang.



DATO' MOHD RAMZAN BIN IBRAHIM

D.I.M.P.

Dato' Mohd Ramzan bin Ibrahim dilahirkan di Bandar Diraja Pekan, Pahang. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dalam bidang Ekonomi Gunaan (B.Econ. Applied Economics) daripada Universiti Malaya pada tahun 1972.

Kerjaya profesional beliau bermula di Pahang Consolidated Co. Ltd. sebelum menyertai Syarikat Nestlé (Malaysia) Berhad. Pada tahun 1974, beliau memulakan kerjaya bersama Citibank New York dan ditempatkan di pejabat Citibank Kuala Lumpur. Berbekalkan rekod perkhidmatan yang cemerlang, beliau dilantik sebagai



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Naib Presiden Kumpulan Perbankan Korporat Citibank pada tahun 1979 sebelum memegang tanggungjawab serantau sebagai Ketua Bahagian Pembiayaan Hartanah Korporat yang meliputi Indonesia, Malaysia, Brunei, Thailand dan India.

Sepanjang kerjayanya dalam sektor perbankan, beliau membina kepakaran khusus dalam pembiayaan projek dan pembiayaan hartanah korporat. Kepakaran tersebut membolehkan beliau mengendalikan program latihan kepada pegawai-pegawai Citibank dari beberapa negara serta program latihan dalam bidang Pembiayaan Projek di Institut Bank-Bank Malaysia sekitar tahun 1985 hingga 1990.

Pada tahun 1986, beliau menubuhkan Rubberflex Sdn. Bhd., sebuah syarikat pembuatan benang getah di Bentong, Pahang. Syarikat tersebut berkembang pesat dan muncul sebagai antara pengeluar benang getah terkemuka di dunia dengan penguasaan kira-kira 35 peratus pasaran global, sekali gus menjadi antara pencapaian penting beliau dalam bidang keusahawanan dan industri pembuatan.

Pada tahun 1990, beliau menerima pelantikan sebagai Pengarah Urusan Kumpulan South East Asia Development Corporation Berhad (SEACORP), sebuah syarikat awam yang majoriti kepentingan ekuitinya dimiliki oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Pelantikan tersebut mencerminkan kepercayaan yang diberikan kepada beliau untuk memulihkan dan memimpin syarikat berkenaan berdasarkan pengalaman luasnya dalam sektor korporat, perbankan dan pembiayaan.

Selepas menerajui SEACORP, beliau bersama beberapa pemegang saham institusi menubuhkan Prima Prai Sdn. Bhd. Syarikat tersebut memeterai perjanjian dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi membangunkan kawasan seluas 51 ekar di tapak Stesen Kereta Api Prai, Pulau Pinang. Kawasan yang dahulunya sering dilanda banjir dan mempunyai penempatan setinggian berjaya ditransformasikan kepada pembangunan bersepadu yang merangkumi kediaman, komersial dan kemudahan berkaitan, termasuk kediaman untuk warga kerja KTMB.

Susulan kejayaan projek Prima Prai, beliau turut terlibat dalam projek penswastan melalui Warisan Pinang Sdn. Bhd. yang berjaya menyiapkan dan menyerahkan Kem Tentera Bersepadu serta kuarters kediaman anggota tentera di Bukit Gedung dan Sungai Ara. Projek bernilai RM101.6 juta itu dibiayai sepenuhnya oleh Warisan Pinang Sdn. Bhd. dan menjadi antara sumbangan penting beliau dalam pembangunan strategik di Pulau Pinang.



DARJAH GEMILANG PANGKUAN NEGERI (D.G.P.N.)



Melalui Runnymede Group of Companies, beliau turut memacu pembangunan hartanah kediaman dan komersial di Pulau Pinang serta mengembangkan aktiviti pembangunan ke peringkat antarabangsa, termasuk projek kediaman mewah dan resort di Australia Barat. Beliau juga pernah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia sebagai Ahli Lembaga Pengarah Prasarana Malaysia Berhad dari tahun 2019 hingga 2021. Sebagai pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangan beliau, beliau telah dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) pada tahun 1995 yang membawa gelaran Dato'.



*Sekalung Tahniah
Di Ucapkan*



DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGERI (D.M.P.N.)



DATUK AMRAN HAFIZ BIN AFFIFUDIN
D.P.S.M., A.M.K.
PENGARAH URUSAN, UEM GROUP BERHAD

DATO' DR. ANVAR HUSSAIN BIN RAHUMATHULLAH
D.S.P.N., D.J.N., P.K.T.
*PRESIDEN, SAUDAGAR-SAUDAGAR PERMATA DAN
PENUKAR WANG MUSLIM PULAU PINANG*

DATO' TS. AZIZEE BIN ISMAIL
D.I.M.P., D.P.J.K., P.G.P.P., P.S.P.P., P.P.P.
MANTAN KETUA POLIS PULAU PINANG

DATO' CHONG KIN SEN
D.S.P.N.
PENGARAH, SYARIKAT KERJAYA EMAS SDN. BHD.

DATO' IDZHAM MOHD HASHIM B. ZAHRAIN MOHD HASHIM
D.I.M.P.
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, ISKANDAR INVESTMENT BERHAD

DR. KOAY TENG HIN @ YEOH TENG HIN
PRESIDEN, KELAB SUKAN PULAU PINANG

DATO' LEE HUI TA
D.S.P.N., D.J.N., P.K.T., P.J.K.
PENGERUSI EKSEKUTIF, DUFU INDUSTRIES SDN. BHD.

DR. MOHD NOH BIN IDRIS
A.M.P.
PAKAR PERUNDING PENYAKIT KULIT

DATO' NG HOUN FOON
D.S.P.N., D.J.N., P.J.K.
PRESIDEN, PERSATUAN KETURUNAN KWONG WAAI SIEW



DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N.)



ENCIK ABDUL AZIZ BIN SHIK AHMAD

A.M.K., P.J.M.

PENGARAH URUSAN, RESTORAN NASI KANDAR DINAS

ENCIK ABDUL LATIFF BIN ABD AZIZ

P.K.T., P.J.K.

*KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC)*

TPR. ABDUL RAZAK BIN ABDUL RAHMAN

K.M.W., P.J.K.

AHLI LEMBAGA PENGARAH, PUSAT PEMBANGUNAN REKABENTUK MALAYSIA

SR. ABDUL RAZAK BIN YUSAK

J.M.N., B.K.T.

*KETUA PENGARAH,
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA*

ENCIK ABU BAKAR BIN YUSOF

J.M.N., D.S.M.

*KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, PERBADANAN PEMBANGUNAN
PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (MATRADE)*

ENCIK ADIL PUTRA BIN AHMAD

PENGARAH PROJEK, SRS LRT SDN. BHD.

ENCIK AHMAD FAEZ BIN YAHAYA

PENGERUSI EKSEKUTIF, KUMPULAN SUZUKI MALAYSIA SDN.BHD.

ENCIK ALBERT SURESH A/L RAMAN

PENGARAH URUSAN, ATSH MANAGEMENT SDN. BHD.

ENCIK ARUMUGAM A/L SINNASAMY

PENGARAH, LISTEN SECURITY SDN. BHD.



DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N.)



ENCIK ATHIMULAN A/L MURUTHIAH

P.J.K.

PEGUAM, ATHIMULAN & CO

ENCIK AZIAAN BIN ARIFFIN

SETIAUSAHA SULIT KANAN TIMBALAN MENTERI KESIHATAN

PROFESOR DR. AZLAN BIN AMRAN

S.M.P.

*TIMBALAN NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA*

ENCIK CHAN SOO KHIAN

FOUNDER AND PRINCIPAL ARCHITECT, SCDA ARCHITECTS PTE LTD

ENCIK CHANDRAKANTHAN A/L KUPPAN

PENGARAH URUSAN, KHANDHAN METAL SDN. BHD.

ENCIK CHANG NYUET LIM

P.K.T.

PENGERUSI, TUNG FONG TRADING (LPG) SDN. BHD.

PUAN CHANG SUH CHIE

A.I.S.

PENGARAH EKSEKUTIF, KUMPULAN CAFFEINEES

ENCIK DEVANTHERAN A/L DORESAMY

B.K.M., P.J.K., P.J.M.

PENGARAH KAWALAN KESELAMATAN DAMAI SDN. BHD.

ENCIK FEARGHAL PATRICK HENNESSY

VICE PRESIDENT, OPERATIONS, BOSTON SCIENTIFIC



DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N.)



DATO' GOH KIM HEONG

D.I.M.P.

PENGERUSI, LEMBAGA PENGELOLA S.J.K.(C) KUANG YU

ENCIK GOH THEAN POH

PENGERUSI, ENTOPIA BY PENANG BUTTERFLY FARM

DR. HARI NARAYANAN A/L P.ONDIVEERAN

D.J.N.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, PENANG SKILLS DEVELOPMENT CENTRE

PUAN HASMARULAINI BINTI OMAR

J.M.W.

*PENGARAH, BAHAGIAN GAJI DAN ELAUN,
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM*

IR. TS. HUSZIAN BIN HUSIN

A.S.D.K.

*PENGARAH, BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA*

IR. ISMAIL BIN ISHAK

P.J.M.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, PDC PROPERTIES SDN. BHD.

ENCIK JAAFAR SADEQ BIN MOHD NOORDIN

PENGARAH URUSAN, UMPAN JAYA GROUP OF COMPANIES

ENCIK KHAIRUL AZWAN BIN HARUN

P.C.M., A.M.P.

MANTAN AHLI DEWAN NEGARA

ENCIK KHALID BIN MOHAMED

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (SUMBER ASLI)



DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N.)



ENCIK KHOR CHONG HENG

PENGARAH, NEWSTAR LAND (M) SDN. BHD.

ENCIK KHOR THEAN SENG

KHOR KHYE HING CONSTRUCTIONS SDN. BHD.

DATIN KWOK MEI LENG

D.J.N., P.K.T.

MANTAN PENOLONG SETIAUSAHA DAP PULAU PINANG

ENCIK LAY KOK HWA

D.J.N.

AJK MPKK SERI SERDANG

DATUK LEE CHEUN WEI

D.P.S.M.

PENGARAH URUSAN & CEO, ANCOM NYLEX BERHAD

ENCIK LEE KEAN LOON

D.J.N., P.K.T., P.J.K.

PENGERUSI, MPKK TAMAN GHEE HIANG

ENCIK LEE TOONG LEON

D.J.N., P.K.T., P.J.K.

*PENGERUSI, USAHAWAN MUDA BAHAGIAN BELIA
DEWAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI CINA MALAYSIA (ACCCIM)*

ENCIK LEONG KAH FOK

D.J.N., P.K.T., P.J.K.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, CHIN FOOK CAR SERVICE (PG) SDN. BHD.

DATUK LING THOU LUNG

D.P.S.M.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, IJM LAND BERHAD



DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N.)



ENCIK LOW MENG KIANG

D.J.N., P.J.K.

*PENGERUSI, PERSATUAN KOO SEAH HOAY DAERAH KERIAN PERAK,
BANDAR BARU KEDAH DAN S.P.S. PULAU PINANG*

ENCIK MARZUKHI BIN IBRAHIM

PENGARAH URUSAN, ERAKAMI ENTERPRISE (PG) SDN. BHD.

ENCIK MEOR ISMAIL BIN MEOR AKIM

*KETUA PENGARAH,
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)*

ENCIK MOHAMED BIN ABDUL RAHMAN

*TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)
NEGERI PULAU PINANG*

ENCIK MOHAMED ISMI BIN ABDUL MAJID

*A.M.K.
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, FELCRA BERHAD*

ENCIK MOHD IBRAHIM BIN MD NOR

*B.C.N., P.K.T., P.J.K.
SETIAUSAHA BANDARAYA, MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI*

DATUK MOHD IRWAN BIN MOHD MUBARAK

*D.P.S.M.
PENGERUSI, BANK RAKYAT*

ENCIK MUNOWER SADIQ BIN M.K.E KADER SULTAN

PRESIDEN, YOUNG MUSLIM SPORTS CLUB

ENCIK MURUGESAN PERIYANNAN

PENGARAH URUSAN, SRI SUBHAM (M) SDN. BHD.



DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N.)



ENCIK NACHATAR SINGH A/L BHAG SINGH

D.J.N., P.K.T., P.J.K.

*NAIB Pengerusi 3, MAJLIS PERUNDINGAN MALAYSIA AGAMA BUDDHA,
KRISTIAN, HINDU, SIKHISM DAN TAO*

ENCIK NG CHONG LAM

SECRETARY OF PENANG PREMIUM BUSINESS ENTERPRISE ASSOCIATION

ALLAHYARHAM NORDIN BIN AHMAD

PELAKON, PENGARAH, PENULIS SKRIP CATHAY-KERIS FILM PRODUCTIONS

ENCIK ON KOK KHENG

PENGARAH URUSAN, MAJUYAYA HEBAT SDN. BHD.

ENCIK ONG CHOOI EWE

D.J.N., P.K.T., P.J.K.

*PENGERUSI, PERSATUAN KETURUNAN ONG SI THYE GUAN TONG
SEBERANG PERAI TENGAH*

ENCIK OOI EAN BENG

D.J.N., P.K.T., P.J.K.

PENGARAH URUSAN, VISION MEDIA SUPPLIES SDN. BHD.

ENCIK OOI TENG HAI

D.J.N., P.K.T., P.J.K.

*PRESIDEN, PERSATUAN PERINDUSTRIAN PERABOT DAN
KAYU KAYAN PULAU PINANG*

ENCIK PANDI DURAI A/L SINGARAM

PEGUAM, PANDI DURAI YOGAMANI & CO

ENCIK QUAH CHUAN LEE

PENGARAH, MULTITRADE ASIAPAC SDN. BHD.



DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N.)



DATO' RAVINDREN A/L SEVANATHAN

D.I.M.P.

PENGARAH, YOGES & RAVIND ENTERPRISE

ENCIK SANDRARUBEN A/L NEELAMAGHAM

TIMBALAN Pengerusi Eksekutif, VIZIONE HOLDINGS BERHAD

ENCIK SEGARAN A/L R.MUNIANDY

D.J.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M., P.J.M.(Per)

PRESIDEN, KUIL SRI MUNISWARAR, JALAN BARU PERAI

ENCIK SHI, LEI

Pengerusi, TF AMD MICROELECTRONICS (PENANG) SDN. BHD.

ENCIK SURIAGHANDI A/L P.SUPPIAH

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,

MALAYSIA HEALTHCARE TRAVEL COUNCIL (MHTC)

ENCIK SYED ALWI BIN SYED ABBAS AL-HABSHEE

PENASIHAT, YAYASAN PENDIDIKAN CHERAS KUALA LUMPUR

ENCIK SYED AZHAR BIN SYED NADZIR

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, ELANG WAH SDN. BHD.

PRESIDEN KUALA LUMPUR TOURISM ASSOCIATIIN

IR. TAN ENG HOCK

P.K.T.

PENGARAH, LUMBINI CONSULTANCY

ENCIK TAN THEAN HIN

P.K.T., P.J.K.

PENGARAH URUSAN, NEWBILLION PRECISION METAL SDN. BHD.

ENCIK TANG KIAM HOW

D.J.N., P.K.T., P.J.M.

PENGARAH URUSAN, GET ONE CONSULTANCY SDN. BHD.



DARJAH SETIA PANGKUAN NEGERI (D.S.P.N.)



DR. TEE ENG HAN

PENGARAH, KERJAYA PROSPEK (M) SDN. BHD.

ENCIK THANAPATHY A/L KUMARAI AH

P.J.K.

PENGARAH GLOBAL, VYGON

ENCIK THIYAGARAJA A/L NAGAYAH

P.K.T.

PENGARAH, PASARAYA NSR SDN. BHD.

ENCIK VEERASAMY A/L ANNAMALAI

D.J.N., P.K.T., P.J.M.

*BENDAHARI KELAB KEBAJIKAN BEKAS GURU-GURU
SEKOLAH TAMIL NEGERI P.PG*

ENCIK YEOH CHEE BENG

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, MAH SING GROUP BERHAD

ENCIK YEOH LIK JIN

PENGARAH EKSEKUTIF, SILCOTECH INDUSTRY SDN. BHD.

DR. YUMA KONISHI

D.J.N.

PRESIDEN, TEXCHEM GROUP

ENCIK ZAINAL BIN ABAS

K.M.N.

*TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
(SEKTOR OPERASI SEKOLAH)*



DARJAH JOHAN NEGERI (D.J.N.)



ENCIK ABDULLAH BIN ESOPÉ

DR. GOH ENG LEONG

ENCIK ALI AKBAR BIN MOHD NOOR

**ENCIK HAMZARUL HAZMIR
BIN HAMDAN**

ENCIK ALI BIN MD ZAIN

ENCIK HEW YOU YIM

ENCIK AMAR CHHAJER

ENCIK HO SWEE CHOON

ENCIK ANG SAY TEIK

ENCIK HOE ENG WAH

ENCIK ANG THIAM WAH

ENCIK ISAYCHELVAM A/L SUNTHAN

ENCIK ANN WAN TEE

ENCIK ISHAK BIN ENDUD

ENCIK AYAPAN A/L M.MUNIANDY

DR. JAYA SELVI A/P NAGENDRAN
